

27/09/2002

Malaysia akan kenakan tekanan terhadap Kanada

SEPANG, Khamis - Malaysia tidak akan berdiam diri dan akan menggunakan saluran yang ada bagi menggesa Kanada menarik balik peraturan visa yang dikenakan terhadap rakyat negara ini yang mahu mengunjungi negara berkenaan.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar yang menyifatkan tindakan Kanada itu sebagai tidak adil, berkata Malaysia akan terus mengenakan tekanan kepada Ottawa dan akan mengambil langkah seterusnya jika negara itu masih enggan menarik balik peraturan itu.

"Kita akan terus berhubung dengan pihak Kanada dan lihat apa langkah yang boleh diambil untuk menarik balik peraturan visa itu.

"Jika mereka bertegas, tidak banyak yang boleh kita lakukan. Bagaimanapun kita kena menimbang tindakan sendiri," katanya kepada pemberita sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini selepas menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah (Asem) di Copenhagen.

Ditanya sama ada Malaysia akan mengenakan peraturan visa sama terhadap rakyat Kanada, Syed Hamid berkata: "Saya tidak suka bercakap mengenai soal balas membalas."

Bagaimanapun, katanya, tindakan Kanada itu adalah sesuatu yang tidak disenangi negara dan boleh dilihat sebagai mengikut langkah negara lain atau prejudis terhadap Malaysia.

Katanya, ini kerana Malaysia adalah rakan perdagangan utama Kanada di rantau ini dan kedua-dua negara adalah anggota Komanwel yang tidak mengenakan peraturan visa kecuali ada sebab kukuh.

Beliau juga mempersoalkan alasan yang diberikan Ottawa berhubung peraturan visa yang dikuatkuasakan kelmarin.

"Anda boleh memberi pelbagai alasan tetapi ada banyak pasport di dunia ini yang disalahgunakan. Mengapa perlu memilih sebuah negara Islam dan lambakan dengan negara lain seperti Zimbabwe dan Hungary," katanya.

Rakyat Malaysia yang ingin ke Kanada diwajibkan memohon visa penduduk sementara berkuat kuasa kelmarin. Menteri Imigresen Kanada, Denis Coderre, dilaporkan berkata, Kanada menganggap pasport dan sistem pengeluaran pasport Malaysia terdedah kepada penyalahgunaan.

Mengenai tindakan rejim Yahudi yang terus mengepung pemimpin Palestin, Yasser Arafat, Syed Hamid berkata, tindakan itu perlu dihentikan serta merta dan menggesa masyarakat antarabangsa melakukan sesuatu supaya Israel mematuhi ketetapan Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Sambil menyifatkan tindakan Israel itu sebagai keganasan yang ditaja negara, beliau berkata, usaha perlu dijalankan bagi memaksa Israel mematuhi undang-undang antarabangsa.

Pada masa sama, Syed Hamid berkata, pasukan pengaman antarabangsa juga perlu dihantar ke Palestin bagi menghentikan keganasan antara kedua-dua pihak.

"Sudah tiba masanya masyarakat antarabangsa melakukan sesuatu supaya Israel mematuhi undang-undang antarabangsa bukan sekadar membuat kenyataan," katanya.

Beliau berkata, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengutuskan surat kepada Presiden Amerika Syarikat, George W Bush serta membincangkannya dengan Presiden Perancis, Jacques Chirac supaya berbuat sesuatu bagi memastikan Israel menghentikan tindakan ganas itu.

